

Baca dan fahami laporan berdasarkan buku teks ms 150 dan 151. Kemudian, seretkan kotak jawapan pada tempat yang sesuai.

Majlis ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada murid-murid tentang aspek sains dan teknologi.

Mereka juga berpeluang mencuba kamera canggih yang dapat merakam gambar walau pun berada dalam air.

Pameran yang bermula pada pukul 8.00 pagi itu tamat pada pukul 12.30 tengah hari.

Mesin itu sangat istimewa kerana dapat memudahkan suri rumah membasuh pinggan.

Setiasaha,
Kelab Sains SJKC Taman Sejahtera

Majlis berjalan dengan lancar dan meriah.

Selepas perasmian upacara oleh Guru Besar, Poon Sau Mee, semua tetamu yang hadir melawat ke reruai yang berdekatan dengan dewan sekolah.

Bagi peminat kucing pula, mereka berpusu-pusu ke reruai yang mempamerkan bekas makanan kucing. Di situ, terdapat bekas makanan kucing yang boleh mengawal masa.

Laporan Hari Pameran SJKC Sejahtera

SJKC Taman Sejahtera telah mengadakan Hari Pameran Teknologi pada hari Sabtu, 19 Oktober 2021. _____

Majlis ini dianjurkan oleh Kelab Sains dengan kerjasama Pihak Persatuan Ibu bapa dan Guru.

Semua tetamu yang terdiri daripada guru-guru, ibu bapa dan murid-murid berhimpun di dewan sekolah. _____

Terdapat sebuah reruai yang mempamerkan tangan robotik, Tangan robotik itu berfungsi seperti tangan manusia.

Seterusnya, tetamu bergerak ke reruai yang lain. Di situ, dipamerkan mesin basuh pinggan mangkuk. Mesin itu _____

Bekas makanan yang dipamerkan itu untuk dijual. Kucing tidak lapar walaupun terpaksa ditinggalkan beberapa hari,

Terdapat banyak tetamu mengerumuni reruai telefon bimbit. Di situ, pelbagai jenis telefon bimbit dipamerkan. Tetamu dapat melihat telefon model terkini. _____

Sebelum pulang, tetamu mengambil kesempatan membeli telefon bimbit yang dijual dengan harga murah. _____.

Laporan disediakan oleh,

(Flora Lee)